

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB PUAN RUBIAH BINTI HAJI WANG
[KOTA SAMARAHAN]**

TARIKH :

SOALAN :

**YB Puan Rubiah binti Haji Wang [Kota Samarahan] minta MENTERI
KESIHATAN menyatakan:-**

- (a) apakah usaha Kementerian untuk menggalakkan pakar perubatan di luar negara supaya kembali ke Malaysia.; dan
- (b) adakah jumlah pakar perubatan terkini di Malaysia mencukupi menjelang tahun 2020 sejajar dengan kadar peningkatan rakyat Malaysia dan apakah situasi terkini aspek kepakaran perubatan di Kota Samarahan.

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kementerian Kesihatan bekerjasama dengan Talent Corporation Malaysia Berhad (TalentCorp), Jabatan Perdana Menteri sejak tahun 2011 bagi menarik minat modal insan berkemahiran tinggi warga Malaysia di luar negara termasuk doktor dan pakar perubatan untuk kembali berkhidmat di tanahair melalui Program Kepulangan Pakar atau *Returning Expert Programme (REP)* yang dijalankan oleh TalentCorp.

Kerajaan menggalakkan pakar warganegara Malaysia yang berkhidmat di luar negara untuk pulang ke tanah air dengan memberi pelbagai insentif antaranya ialah:

- i. Memberi kelonggaran khidmat wajib kepada Pegawai Perubatan termasuk doktor pakar yang telah memenuhi kriteria-kriteria yang ditetapkan;
- ii. Pengecualian cukai bagi barangan yang dibawa balik ke Malaysia, pengecualian duti import, cukai eksais dan cukai jualan kenderaan persendirian (bidang kuasa Kastam Diraja Malaysia dan Kementerian Kewangan Malaysia); dan
- iii. Pemberian taraf penduduk tetap bagi pasangan atau anak bukan warganegara (bidang kuasa Jabatan Imigresen Malaysia dan Jabatan Pendaftaran Negara) dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua

Sebagaimana yang dihadapi oleh negara-negara lain di dunia, sehingga hari ini, Malaysia juga belum mempunyai bilangan pakar yang mencukupi bagi memenuhi keperluan negara. Namun, jumlah pakar di Malaysia dianggarkan bertambah selari dengan peningkatan penambahan slot tajaan bagi program sarjana kepakaran perubatan di institusi pengajian tinggi awam bagi memberi peluang kepada lebih ramai pegawai perubatan mengikuti program sarjana. Sehubungan dengan itu, diharapkan lebih ramai pakar perubatan dapat dihasilkan demi meningkatkan lagi mutu dan prestasi perkhidmatan perubatan dalam negara.

Tuan Yang di-Pertua

Hospital Umum Sarawak menyediakan pelbagai perkhidmatan kepakaran dan subkepakaran bagi penduduk sekitar termasuk dari Bahagian Samarahan.

- (b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 31 Mac 2015, secara keseluruhan terdapat sebanyak 34,683 jawatan Pegawai Perubatan dengan pengisian seramai 32,122 orang atau 92.6 peratus. Daripada jumlah tersebut, seramai 4,161 orang adalah Pegawai Perubatan Pakar, 18,359 orang Pegawai Perubatan Bukan Pakar dan 9,602 orang Pegawai Perubatan Siswazah. Berdasarkan *Health Facts* 2014, nisbah Pegawai Perubatan kepada penduduk adalah 1 Pegawai Perubatan untuk 633

penduduk (1:633). Nisbah tersebut masih belum mencapai sasaran yang ditetapkan selaras dengan nisbah bagi negara maju iaitu 1:400 bagi Pegawai Perubatan. Walau bagaimanapun, ia adalah lebih baik berbanding 5 tahun sebelumnya iaitu 1:927.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, Kota Samarahan mempunyai 1 Pejabat Kesihatan Bahagian (PKB), 1 Pejabat Kesihatan Daerah (PKD), 16 Klinik Kesihatan (KK) dan 3 Klinik Kesihatan Ibu dan Anak (KKIA). Sehingga 31 Mac 2015, terdapat seramai 29 orang Pegawai Perubatan yang sedang berkhidmat di Kota Samarahan.

Selain itu, Pegawai Perubatan Pakar hanya ditempatkan di hospital yang dikategorikan sebagai hospital pakar di kawasan bandar dan mempunyai kepadatan penduduk yang tinggi. Penduduk di kawasan luar bandar boleh mendapatkan perkhidmatan di pusat kesihatan dan klinik kesihatan yang berdekatan.